



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN HARI WARISAN AUDIOVISUAL SEDUNIA 2023**

**31 OKTOBER 2023 (SELASA)  
12.00 TENGAH HARI**

**GRAND BALLROOM  
HOTEL PREMIERA  
MENARA MARA, KUALA LUMPUR MALAYSIA**

**Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023** kepada semua pengguna, pengendali dan penyimpan warisan audiovisual di Malaysia.
2. Sambutan ini salah satu usaha membawa agenda UNESCO ke peringkat nasional dengan tujuan menyebarkan luas kepentingan audiovisual dalam mewujudkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan warisan audiovisual.
3. Selari dengan aspirasi inisiatif “**Ini Warisan Kita**”, Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023 adalah manifestasi usaha untuk **memelihara dan melestarikan koleksi audiovisual sebagai khazanah negara** dalam memupuk perpaduan dan integrasi nasional.

## SAMBUTAN HARI AUDIOVISUAL SEDUNIA 2023

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

4. Pada tahun ini, Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023 disambut dengan tema “***Your Window To The World***”. Audiovisual merupakan warisan kepada jendela dunia yang membantu kita memahami dunia yang kita semua berkongsi bersama dengan menyaksikan pelbagai peristiwa tanpa kita menghidirinya, mendengar suara dari masa lalu yang tidak dapat lagi berbicara dan merungkai cerita yang boleh diperlihatkan, memberikan maklumat dan hiburan hingga ke hari ini.
5. Alexander Pushkin yang merupakan Penyair, Novelis dan Penulis Drama terkenal di Rusia dalam tulisannya menyatakan “***respect for the past is what differentiates civilization from savagery***” yang mana kita memerlukan masa lalu, dengan matlamat sebenar adalah untuk masa depan. Kita perlu menjaga masa depan kita dan sentiasa membangkitkan masa lalu untuk menjadi model untuk masa depan.

6. Audiovisual adalah warisan yang tidak ternilai yang merupakan **penegasan kepada memori kolektif bangsa serta sumber pengetahuan yang amat berharga** kerana mencerminkan kepelbagaian bangsa dan sosio-budaya dalam masyarakat. Kandungan maklumat bahan audiovisual adalah pengetahuan yang paling relevan pada masa lalu, antara aspirasi dan pengalaman.
  
7. Saya berharap warisan audiovisual ini **menjadi wadah yang dapat memberi impak kepada masyarakat dan generasi muda** dalam menerapkan nilai-nilai murni seperti toleransi antara kaum, saling hormat menghormati, prihatin dan bersatu padu. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI dan menjadi masyarakat berbudaya nilai tinggi.
  
8. Saya difahamkan pada sesi pagi telah diadakan Wacana Ilmu berkaitan kepentingan dan pemeliharaan warisan audiovisual dengan tema **Mengabadikan Legasi Bangsa: Pelestarian Audiovisual di Masa Hadapan**. Bagi memastikan warisan audiovisual ini dapat digunakan dan diakses sepanjang zaman, **migrasi kepada pendigitalan perlu dipergiatkan** bagi mengelakkan keusangan format dan kehilangan kandungan dan maklumat di dalamnya.

9. Dalam hal yang sama, Kementerian Perpaduan Negara dan Arkib Negara Malaysia perlu memberikan penekanan terhadap **pengukuhan infrastruktur pendigitalan melibatkan bahan audiovisual**. Ini adalah selaras dengan sasaran Arkib Negara Malaysia iaitu 50% bahan arkib (sumber maklumat) boleh dicapai oleh masyarakat menjelang tahun 2025.

### **WAY FORWARD BIDANG AUDIOVISUAL**

10. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru dan mengajak rakyat Malaysia bersama-sama untuk **menyumbang atau menyerahkan koleksi audiovisual kepada Arkib Negara Malaysia** untuk melengkapkan pelbagai peristiwa sejarah negara bagi tujuan tontonan dan rujukan generasi akan datang.
11. Selain itu, saya mengharapkan Arkib Negara Malaysia dapat meningkatkan lagi penglibatan dengan rakan strategik Agensi-Agensi Kerajaan, Syarikat-syarikat Penyiaran, Badan-badan Bukan Kerajaan dan Pihak Swasta yang terlibat dalam pembangunan kandungan dalam bentuk audiovisual. **Mulai tahun hadapan, kesemua pertubuhan badan bukan Kerajaan yang menyumbang koleksi audiovisual akan diiktiraf sebagai “Rakan Perpaduan”**.

12. Bagi memastikan pengurusan koleksi audiovisual yang merupakan khazanah warisan negara dilaksanakan dengan sistematik selari dengan **peredaran zaman dan perkembangan teknologi moden adalah wajar untuk Arkib Negara Malaysia meneliti semula Dasar Koleksi Bahan Audiovisual yang sedia ada.** (dasar sedia ada sejak 2010).

## **PENUTUP**

13. Sambutan Hari Warisan Audiovisual yang diraikan setiap tahun ini diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat dan perlunya memelihara dan menyimpan audiovisual sebagai koleksi warisan yang sangat penting pada masa kini. Ini kerana audiovisual adalah warisan yang dicatat dan dirakam dari satu generasi kepada generasi yang lain yang dapat menghubungkan antara zaman lampau, kini dan akan datang.

14. Akhir kata, semoga semangat kerjasama dan kebersamaan ini dapat diteruskan demi memartabatkan khazanah warisan audiovisual negara. Saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023** pada hari ini.

Sekian, terima kasih